

KECEMERLANGAN PENDIDIKAN BERTERUSAN SEPANJANG HAYAT

New Sabah Times, ms.9 , 20 Jun 2009

Utusan Borneo, ms.10 , 21 Jun 2009

JAKARIA DASAN

Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) asalnya dikenali sebagai Program Pengajian Luar Kampus (PPLK) dan telah ditubuhkan pada Oktober 1999 di Sandakan, Sabah. Bertitik tolak daripada rasa keprihatinan YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, yang pada ketika itu memegang jawatan Menteri Pendidikan Malaysia, untuk membantu guru-guru sandaran tidak terlatih, maka idea untuk menawarkan Program Pengajian Luar Kampus (PPLK) telah dicetuskan oleh YBhg Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, Naib Canselor UMS yang pertama. Sehingga kini, terdapat lima cawangan PLUMS yang beroperasi di seluruh negeri Sabah, iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Keningau dan Labuan yang menawarkan 20 program pengajian Prasiswazah, 7 program Pascasiswazah secara Kerja Kursus dan 2 program Diploma Pascasiswazah.

Sejak 1 April 2009, PLUMS dipimpin oleh Pengarahnya yang baharu, iaitu Prof Dr Fauziah Abd Aziz. Beliau mula bertugas sebagai pensyarah yakni Profesor dalam bidang fizik di Program Fizik dengan Elektronik Sekolah Sains dan Teknologi (SST) UMS semenjak tahun 1999 lagi. Sebelum berkhidmat sebagai Pensyarah di UMS, Beliau pernah berkhidmat di USM Pulau Pinang juga selama 10 tahun iaitu di Pusat Pengajian Sains Fizik & Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Program Retreat PLUMS merupakan suatu mekanisma yang akan menggerakkan semula pentadbiran PLUMS agar ianya setanding dengan UTM SPACE. Turut sama menjayakan program Retreat ialah Prof Madya Dr Khairul Anuar bin Abdullah, Dekan SPACE, En Salleh bin Kassim (Ketua Unit Pemasaran) dan Hj Zakariya Abd Rasip (Pengurus Kewangan UTM SPACE). Ianya dihadiri oleh kesemua wakil Sekolah/Fakulti dan Jabatan di UMS. Ucapan dasar Kol. Prof. Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS, telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Dr Amran Ahmed.

Menurut Prof Dr Fauziah program retreat Pusat Luar UMS (PLUMS) yang dirancang ini adalah timbul daripada hasil idea dan buah fikiran pihak pengurusan utama UMS untuk meneliti dan mengkaji semula kewujudan PLUMS sebagai satu-satunya pusat yang menawarkan pengajian luar di UMS. Di samping itu, program akademik PLUMS juga memerlukan nafas baru untuk memenuhi keperluan semasa dan rangka kerja Malaysian Qualification Agency (MQA). Akreditasi MQA merupakan platform yang membolehkan program separuh masa yang ditawarkan oleh UMS dimasukkan dalam laman web UNESCO yang sentiasa menjadi rujukan utama di peringkat antarabangsa. UMS meletakkan sasaran untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut menjelang tahun 2011.

Dalam menjalankan peranan dan fungsinya, PLUMS harus mempunyai misi dan visinya yang tersendiri sebagai pendorong utama. Di samping itu, PLUMS juga harus menetapkan objektif dalam melaksanakan program pengajian separuh masa, meningkatkan penguasaan pasaran pendidikan berterusan sepanjang hayat, memperluaskan peluang pendidikan kepada segenap lapisan masyarakat dan menumpu kepada kehendak pelanggan dan keperluan pasaran kerjaya.

Menurut Prof Datuk Kamaruzaman, "PLUMS juga boleh menjadi sebuah pusat setempat bagi

pihak universiti menawarkan program-program akademik kepada pelajar dewasa yang bekerja. Ini adalah sebagai satu tugas wajib dan murni yang seharusnya berlandaskan Pelan strategik Negara, Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi dan Pelan Strategik UMS ke-6 (sehingga 2020) iaitu penghayatan pembelajaran sepanjang hayat. Ia adalah satu faktor penting dalam meningkatkan persaingan tenaga kerja dalam negara.” Dengan adanya pelan dan halatuju pendidikan di peringkat nasional, kementerian dan universiti, program-program akademik PLUMS akan dapat memantapkan lagi bakat dan pengetahuan para pelajarnya dalam bidang masing-masing. Dalam erti kata lain, PLUMS juga dikenali sebagai Pusat yang menawarkan program sepanjang hayat kepada golongan bekerja yang berhasrat meningkatkan jati diri, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan. “Dengan tawaran program akademik yang ditawarkan oleh PLUMS, golongan yang bekerja boleh mencapai matlamat dalam kerjaya, meningkatkan pengetahuan dan mencapai kelulusan peringkat tertinggi” tambah Datuk Kamaruzaman.

PLUMS perlu berusaha mendapatkan akreditasi dan tahap kualiti yang berkenaan seperti MQA dan ISO. Dengan adanya pengiktirafan akreditasi dan kualiti dalam program-program akademik PLUMS maka ianya dapat mencerminkan kualiti dan kelayakan yang setanding dengan program-program akademik universiti-universiti tempatan serta mencapai keperluan dan permintaan semasa dalam pasaran kerjaya tempatan dan sebaik-baiknya diperingkat global. Selari dengan hasrat Universiti untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam pendidikan sepanjang hayat dan memenuhi aspirasi pelan strategik pendidikan negara, PLUMS menawarkan program-program akademik luar kampus. Dan dengan PLUMS kini sudah mampu berdiri di atas kakimya sendiri sebagai PTJ (pusat tanggung jawab) besar yang setara dengan gabungan beberapa sekolah yang mempunyai organisasi yang tersendiri. Dengan saiz yang sebegini besar, pihak pengurusan UMS mengharapkan agar PLUMS dapat memikul tanggungjawab sebagai pusat yang memberikan pendidikan sepanjang hayat yang berkualiti di Sabah.

Adalah penting agar PLUMS dapat menilai semula program-program akademik separuh masa yang ditawarkan agar memenuhi kehendak MQA dan pasaran kerja tempatan. PLUMS adalah jua diharapkan menyediakan pelajar-pelajar dewasa dalam pengetahuan yang luas dalam bidang Sains, Kejuruteraan, Sains Sosial, Psikologi, Perniagaan dan Ekonomi, Pendidikan dan Kewangan bagi tujuan memantapkan kerjaya mereka serta membantu membentuk pelajar-pelajar yang sedang bekerja ke arah aspirasi negara maju. Adalah menjadi harapan UMS agar PLUMS mesti menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran berasaskan separuh masa yang unggul berkaitan dengan sains, kejuruteraan, sains sosial, psikologi, perniagaan dan ekonomi, pendidikan, kewangan antarabangsa dan sains informatik.

SPACE merupakan sebuah Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Ianya telah ditubuhkan pada 16 tahun yang lalu. Ketua SPACE adalah bertaraf Dekan dan fokus kepada penawaran program prasiswazah dan program komersial lainnya. Prof Madya Dr Khairul Anuar, Dekan SPACE, berterimakasih kerana SPACE diberi penghormatan untuk berkongsi pengalaman malah kepakaran (keperluan pensyarah) dengan UMS (PLUMS). Beliau yakin bahawa dengan status UMS yang kian meningkat baik di dalam negeri mahu pun di peringkat antarabangsa, maka PLUMS boleh mengikuti jejak kejayaan yang telah dirintis oleh SPACE sebelum ini. Malah dengan kekuatan UMS yang tersendiri, ia mampu pergi lebih jauh.